

ANGIRAM 5 (Ramipril Tablet 5mg)

ANGIRAM 10 (Ramipril Tablet 10mg)

Ramipril (5mg & 10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ANGIRAM
2. Bagaimana ANGIRAM berfungsi
3. Sebelum mengambil ANGIRAM
4. Cara menggunakan ANGIRAM
5. Semasa menggunakan ANGIRAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ANGIRAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan ANGIRAM

Bahan aktif ANGIRAM ialah *Ramipril*.

ANGIRAM digunakan untuk:

- Merawat tekanan darah tinggi (hipertensi)
- Merawat jantung anda apabila ia tidak mampu mengepam darah secukupnya kepada seluruh badan (*congestive heart failure*)
- Sebagai rawatan berikutan serangan sakit jantung (*myocardial infarction*)
- Untuk mengurangkan risiko serangan sakit jantung atau strok
- Sebagai pencegahan atau melambatkan menjadi lebih teruk masalah buah pinggang dimana pesakit mengalami *proteinuria* (kandungan protin air kencing tinggi)

Bagaimana ANGIRAM berfungsi

ANGIRAM mengandungi bahan aktif yang dipanggil *Ramipril*. Ubat ini tergolong dalam kelas ubat *ACE*

inhibitors (Angiotensin Converting Enzyme inhibitors)

Cara ANGIRAM berfungsi:

- Mengurangkan pembentukan bahan-bahan oleh badan yang boleh meningkatkan tekanan darah
- Merehatkan dan meluaskan saluran darah anda
- Menjadikannya lebih mudah untuk jantung anda mengepam darah ke seluruh badan

Sebelum mengambil ANGIRAM

-Bila tidak boleh mengambil

- Sekiranya anda alah kepada *Ramipril* dan ubat lain dalam kelas *ACE inhibitor* atau bahan lain yang terkandung ANGIRAM. Gejala alahan kepada ubat ini termasuk: ruam, kesukaran menelan atau bernafas, bengkak pada bibir, muka, tekak atau lidah
- Sekiranya anda pernah mengalami alahan yang serius dipanggil '*angioedema*'. Gejala termasuk gatal-gatal kulit (*urticaria*), tanda-tanda merah pada tangan, kaki dan leher, bengkak pada tekak dan lidah, bengkak disekeliling mata dan bibir, kesukaran bernafas atau menelan
- Sekiranya anda memerlukan dialisis atau apa-apa jenis prosedur penapisan darah. Bergantung kepada mesin yang digunakan, ANGIRAM mungkin tidak sesuai untuk anda
- Sekiranya anda mempunyai masalah buah pinggang dimana bekalan darah

kepada buah pinggang tidak mencukupi (*renal artery stenosis*)

- Dalam tempoh 6 bulan terakhir kehamilan (trimester 2 atau 3) (sila rujuk seksyen kehamilan dan penyusuan dibawah)
- Sekiranya tekanan darah anda sangat rendah atau tidak stabil. Keadaan ini perlu dipastikan oleh doktor.

Jangan ambil ANGIRAM sekiranya anda mengalami keadaan seperti telah dijelaskan. Jika anda tidak pasti, bincangkan dengan doktor anda sebelum mengambil ANGIRAM.

-Sebelum mula mengambil

Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini:

- Jika anda mempunyai masalah jantung, hati atau buah pinggang
- Jika anda berisiko tekanan darah rendah (hipotensi)
- Jika anda akan dirawat untuk mengurangkan alahan sengatan lebah atau tebuhan (penyahpekaan)
- Sekiranya anda akan menjalani pembedahan, anda mungkin perlu berhenti mengambil ubat ini sehari sebelum pembedahan
- Jika anda mempunyai paras kalium yang tinggi dalam darah (disahkan oleh ujian darah)
- Beritahu doktor anda sekiranya anda hamil atau sedang merancang keluarga. ANGIRAM tidak disyorkan dalam 3 bulan pertama mengandung dan mungkin akan menyebabkan kemudaratan kepada bayi

ANGIRAM 5 (Ramipril Tablet 5mg)

ANGIRAM 10 (Ramipril Tablet 10mg)

Ramipril (5mg & 10mg)

selepas 3 bulan mengandung, rujuk seksyen kehamilan dan penyusuan

- Pantau fungsi buah pinggang sebelum dan selepas rawatan

Kanak-kanak:

ANGIRAM tidak digalakkan untuk kanak-kanak dan remaja 18 tahun kebawah

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil atau baru mula mengambil ubat, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi (termasuk ubat herba)

Sila beritahu doktor anda sekiranya anda mengambil ubat berikut. Ia boleh mengganggu keberkesanan ANGIRAM:

- Ubat yang digunakan untuk melegakan sakit dan radang (*e.g. Non-Steroidal Anti-Inflammatory Drugs (NSAIDs)*) seperti *ibuprofen* atau *indomethacin*)
- Diuretik (ubat air) seperti *furosemide*
- Ubat yang boleh meningkatkan paras kalium dalam darah seperti *spironolactone*, *triamterene*, *amiloride*, *potassium salts* dan *heparin* (untuk mencairkan darah)
- Ubat *steroid* untuk radang seperti *prednisolone*
- *Allopurinol* (digunakan untuk merendahkan asid urik dalam darah)
- *Procainamide* (untuk masalah denyutan jantung). Beritahu doktor anda sekiranya anda mengambil ubat seperti dibawah. Ubat ini mungkin diganggu ANGIRAM:

- Ubat untuk kencing manis dan *insulin*. ANGIRAM mungkin merendahkan paras gula dalam darah. Uji darah anda dengan kerap semasa mengambil ANGIRAM
- *Lithium* (untuk sakit kesihatan mental). ANGIRAM mungkin menaikkan kandungan *lithium* dalam darah. Paras *lithium* harus dipantau dengan teliti oleh doktor anda

Jika mana-mana diatas berkaitan dengan anda (atau anda tidak pasti), bincang dengan doktor anda sebelum mengambil ANGIRAM.

Mengambil ANGIRAM bersama makanan dan alkohol:

Mengambil alkohol bersama ANGIRAM mungkin menyebabkan pening. Jika anda tidak pasti berapa banyak anda boleh minum semasa mengambil ANGIRAM, bincangkan isu ini dengan doktor anda kerana interaksi ubat ini dan alkohol mungkin mempunyai kesan tambahan.

ANGIRAM boleh diambil sebelum atau selepas makanan.

Cara menggunakan ANGIRAM

-Berapa banyak harus digunakan

Ambil ANGIRAM seperti yang diarahkan doktor anda. Jika tidak pasti, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Rawatan tekanan darah tinggi: Dos permulaan biasanya ialah 2.5mg sekali sehari. Doktor anda akan melaraskan dos anda sehingga tekanan darah anda dikawal. Dos maxima ialah 10mg sehari.

Jika anda sedang mengambil diuretik (ubat air), doktor mungkin menghentikan atau menurunkan dos diuretik sebelum mengambil ANGIRAM.

Untuk mengurangkan risiko serangan sakit jantung atau strok: Dos permulaan ialah 2.5mg sekali sehari. Doktor mungkin akan menaikkan dos anda. Dos maxima ialah 10mg sehari.

Mencegah atau melambatkan menjadi lebih teruk masalah buah pinggang: Dos permulaan ialah 1.25mg sekali sehari. Doktor akan melaraskan dos anda.

Merawat kegagalan jantung: Dos permulaan ialah 1.25mg sekali sehari. Dos mungkin akan selaraskan dos kepada 10mg sehari.

Rawatan selepas serangan sakit jantung: Dos permulaan ialah 2.5mg dua kali sehari atau 1.25mg dua kali sehari, bergantung kepada situasi anda. Doktor anda akan melaraskan dos anda. Dos maxima ialah 10mg sehari.

Warga Tua: Dos permulaan yang disyorkan ialah 1.25mg sehari, boleh dinaikkan berdasarkan respon tekanan darah individu tersebut.

-Bila perlu digunakan

Ubat ini harus ditelan pada masa yang sama setiap hari. Telan ubat ini dengan segelas air. Jangan hancurkan atau kunyah pil.

-Berapa lama perlu digunakan

ANGIRAM biasanya dimakan untuk jangka masa panjang, doktor anda akan menentukan tempoh pengambilan ubat ini. Jangan berhenti mengambil ANGIRAM melainkan diarahkan oleh doktor anda.

ANGIRAM 5 (Ramipril Tablet 5mg)

ANGIRAM 10 (Ramipril Tablet 10mg)

Ramipril (5mg & 10mg)

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa dos, ambil dos seterusnya seperti biasa setelah tiba masanya. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang dilupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Beritahu doktor anda dengan segera atau pergi ke hospital yang terdekat. Jangan pandu ke hospital sendiri, dapatkan pertolongan orang lain atau panggil ambulan. Ambil kotak ubat bersama supaya doktor tahu ubat apa yang anda ambil. Jika anda mempunyai pertanyaan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan ANGIRAM

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ANGIRAM seperti yang diarahkan doktor anda. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ANGIRAM melainkan diarahkan oleh doktor anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Kehamilan dan penyusuan:

Beritahu doktor anda sekiranya anda hamil atau sedang merancang keluarga. ANGIRAM tidak disyorkan pada 3 bulan pertama hamil dan langsung tidak boleh diambil pada trimester kedua atau ketiga (rujuk seksyen bila tidak boleh diambil) kerana penggunaan ubat ini semasa mengandung mungkin boleh memudaratkan bayi.

Jika anda hamil semasa menggunakan ANGIRAM, beritahu doktor anda dengan segera. Penukaran ke ubat alternatif boleh dilakukan sekiranya anda sedang merancang keluarga. Jangan ambil ANGIRAM semasa sedang menyusui bayi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil apa-apa ubat.

Memandu dan mengendalikan jentera:

Anda mungkin merasa pening semasa mengambil ANGIRAM. Kemungkinan ini lebih tinggi jika baru mula mengambil ANGIRAM atau mengambil dos yang tinggi. Sekiranya ini berlaku, jangan pandu kereta atau kendalikan jentera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat yang lain, ANGIRAM boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya. Berhenti mengambil ANGIRAM dan jumpa doktor dengan segera sekiranya anda mengalami kesan sampingan seperti berikut. Anda mungkin memerlukan rawatan segera:

- Bengkak pada muka, bibir atau tekak dan menyebabkan kesukaran untuk telan atau bernafas, dan juga gatal-gatal kulit dan ruam. Ini mungkin tanda alahan yang serius pada ANGIRAM
- Reaksi kulit yang teruk seperti ruam, ulser dalam mulut, penyakit kulit yang menjadi lebih teruk, kemerahan, lepuh atau penanggalan kulit (seperti *Stevens-Johnson syndrome*, *toxic epidermal necrolysis* atau *erythema multiform*)

Kesan sampingan yang sangat biasa dan biasa semasa mengambil ANGIRAM termasuk:

- Sakit kepala, pening, rasa letih
- Rasa ingin pengsan, tekanan darah rendah (hipotensi) terutamanya apabila berdiri atau bangun secara tiba-tiba
- Batuk kering, resdung atau bronkitis, semput
- Ketidakselesaan perut, kurang hadam, loya dan muntah-muntah
- Ruam kulit dengan atau tanpa bengkak
- Sakit dada
- Kejang otot atau sakit
- Paras kalium darah meningkat

Jika anda melihat apa-apa kesan sampingan yang luar biasa semasa mengambil ANGIRAM, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Jauhkan daripada penglihatan dan capaian kanak-kanak. Simpan di tempat yang kering dan dibawah suhu 30°C. Jangan gunakan ANGIRAM setelah tamat tarikh luputnya.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana ubat yang tidak diperlukan harus

ANGIRAM 5 (Ramipril Tablet 5mg)

ANGIRAM 10 (Ramipril Tablet 10mg)

Ramipril (5mg & 10mg)

dilupuskan. Langkah-langkah ini dapat melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

ANGIRAM 5: Berwarna merah jambu, permukaan yang rata, bulat, tidak diselaput dan bertanda "H" dan "19" dipisahkan dengan garis pada satu belah dan kosong pada belah lain.

ANGIRAM 10: Berwarna putih, permukaan yang rata, bulat, tidak diselaput dan bertanda "H" dan "20" dipisahkan dengan garis pada satu belah dan kosong pada belah lain.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Ramipril
- Bahan tidak aktif

ANGIRAM 5: *Starch pregelatinized, Lactose monohydrate, Sodium hydrogen carbonate, Croscarmellose sodium, Ferric oxide red, Sodium stearyl fumarate*

ANGIRAM 10: *Starch pregelatinized, Lactose monohydrate, Sodium hydrogen carbonate, Croscarmellose sodium, Sodium stearyl fumarate*

-Nombor MAL

ANGIRAM 5 (Ramipril

Tablets 5 mg):

MAL17055005AZ

ANGIRAM 10 (Ramipril

Tablets 10 mg):

MAL17055006AZ

Pengilang

Aurobindo Pharma Limited,
Unit - XV,
Plot No. 17 A, E. Bonangi (V),
Jawaharlal Nehru Pharma City,
Parawada (M), Anakapalli
District, Andhra Pradesh, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Healol Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
74-3, Jalan Wangsa Delima 6,
KLSC Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

-26/03/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/2)250219/1420